

## TINJAUAN TERHADAP PERUNTUKAN AKTA PERSAINGAN 2010

### *Overview of Provisions in the Competition Act 2010*

*Nazura Abdul Manap*  
nazura@ukm.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel.: +603-8921635

*Haliza A. Shukor*  
hliza@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

#### **Abstrak**

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mewujudkan undang-undang yang spesifik berkaitan dengan persaingan selepas Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam. Akta Persaingan 2010 telah digubal oleh Parlimen Malaysia dan dikuatkuasakan pada tahun 2012. Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang diwujudkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 merupakan badan yang diberikan tanggungjawab untuk menguatkuasakan peruntukan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010. Melalui Akta Persaingan 2010, Malaysia bermatlamat untuk meningkatkan ekonomi melalui proses persaingan yang bertujuan memberikan perlindungan kepada pengguna. Secara umumnya, Akta Persaingan 2010 menghalang perusahaan daripada terlibat dengan dua jenis kegiatan, iaitu perjanjian antipersaingan serta penyalahgunaan kedudukan dominan. Dengan wujudnya Akta Persaingan 2010, kerajaan berharap agar aktiviti antipersaingan dapat dielakkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis peruntukan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti peruntukan dalam Akta Persaingan 2010 serta menganalisis pemakaian peruntukan ini dalam sektor perniagaan di Malaysia. Pendekatan kajian secara kualitatif, iaitu analisis terhadap dokumen perundangan yang relevan. Dapatan kajian mendapati bahawa Akta Persaingan 2010 memberikan asas terhadap persaingan yang sihat dalam pelbagai aktiviti komersial dan pemakaian umum.

Kata kunci: Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan Malaysia, perjanjian antipersaingan, kedudukan dominan

### **Abstract**

*After Indonesia, Singapura, Thailand and Vietnam, Malaysia is also has enacted specific laws regarding competition. The Competition Act 2010 was passed by the Malaysian Parliament and came into force in 2012. The Malaysian Competition Commission, which was formed under the Competition Commission Act 2010, is a body tasked with the enforcement of the provisions contained in the Competition Act 2010. Through the Competition Act 2010, Malaysia aims to improve the economy through competitiveness, and aims to protect the consumer. On the whole, the Competition Act 2010 prevents businesses from being involved in two types of activities, i.e. anti-competitive agreement and abuse of a dominant position in the market. With the existence of the Competition Act 2010, the government hopes that anti-competitive activities can be avoided. Therefore, this research was carried out to analyse the provisions contained in the Competition Act 2010. The aim of this research is to identify the provisions in the Competition Act 2010, as well as to analyse the implementation of these provision in the Malaysian business sector. A qualitative approach was employed, that is, an analysis of relevant documents. The findings of the study are that the Competition Act 2010 provides the basis for a healthy competitiveness in a variety of commercial activities and general applications.*

*Keywords: Competition Act 2010, Competition Commission Act 2010, anti-competitive agreement, dominant position*

## **PENDAHULUAN**

Persaingan ialah tingkah laku firma dalam pasaran dan cara firma bertindak balas terhadap tindakan pembekal dan pengguna (Goode, 2007:93). Richard Whish berpendapat bahawa definisi persaingan dalam dunia komersial merujuk perjuangan dalam perniagaan di pasaran (Whish, 2009:3). Undang-undang Persaingan pula ialah suatu undang-undang yang mengawal selia amalan perniagaan dan transaksi yang mewujudkan penyalahgunaan kuasa pasaran dan mengganggu persaingan bebas di pasaran (Lowenfeld, 2008:418). Di Malaysia, seksyen 2 Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 memperuntukkan undang-undang persaingan yang merujuk Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan Akta Persaingan 2010 serta mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang persaingan.

## **LATAR BELAKANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN DI MALAYSIA**

Secara amnya, Malaysia telah memperkenalkan dasar dan undang-undang persaingan sejak awal tahun 1990-an kepada dua sektor, iaitu sektor tenaga dan sektor komunikasi. Pada masa itu, tiada undang-undang persaingan nasional yang meliputi semua sektor perdagangan kecuali kedua-dua sektor tersebut. Sektor komunikasi, menurut seksyen 133 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, menyediakan ruang untuk menghalang antipersaingan yang “akan mengurangkan persaingan dalam sektor komunikasi dan multimedia dengan lebih berkesan”. Begitu juga halnya dalam sektor tenaga, Suruhanjaya Tenaga diperlukan untuk memantau persaingan dan monopoli seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 14(h) Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 kerana Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 tidak mempunyai peruntukan substantif persaingan, tidak seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Oleh itu, bagi memenuhi keperluan pembangunan perdagangan dan perniagaan serta menggalakkan persaingan yang adil dalam amalan perniagaan, Rang Undang-Undang Amalan Perdagangan Adil telah diluluskan pada 26 Oktober 2005 di Parlimen. Rang Undang-Undang Amalan Perdagangan Adil dilihat sebagai langkah awal ke arah mencapai persekitaran persaingan yang adil dalam amalan perniagaan ([www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)).

Dasar Amalan Perdagangan Adil (DAPA) diwujudkan bertujuan untuk mencapai beberapa objektif dasar yang antara lainnya menggalakkan serta melindungi persaingan dalam pasaran perniagaan, mewujudkan usahawan yang dinamik dan berdaya saing, menyediakan peluang pasaran yang adil dan berdaya saing bagi perniagaan dan menghalang berlakunya amalan antipersaingan meliputi mereka yang berada di dalam dan di luar Malaysia dan juga memberhentikan amalan perdagangan yang tidak adil dalam ekonomi ([www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)).

Undang-undang negara yang menyentuh soal persaingan secara langsung telah diperkenalkan dan dikenali sebagai Akta Persaingan 2010. Skop DAPA telah diterima pakai oleh Akta Persaingan 2010 dengan sedikit pengubahsuaian, iaitu menggabungkan perkara yang berkaitan dengan persaingan dan menghapuskan amalan perdagangan yang tidak adil. Undang-undang Persaingan di Malaysia merujuk Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Akta Persaingan 2010 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang yang telah dinyatakan di atas.

## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia ditubuhkan bagi memenuhi tanggungjawab melaksanakan peruntukan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010. Suruhanjaya ini merupakan sebuah badan korporat yang kekal. Badan ini

boleh terlibat dalam kontrak dan memperoleh harta sama ada harta ketara atau tidak ketara bersama, dan faedah terletak pada harta itu. Tujuan utama penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah untuk melindungi proses persaingan agar dapat memberikan manfaat kepada ahli perniagaan, pengguna dan ekonomi.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia terdiri daripada seorang pengerusi, empat anggota yang mewakili kerajaan dan tiga hingga lima orang anggota lain yang berpengetahuan dalam bidang perniagaan. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dilantik oleh Menteri, yang pada masa yang sama juga merupakan kakitangan suruhanjaya. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab dalam menyelia pentadbiran dan pengurusan suruhanjaya.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia memegang dua peranan utama, iaitu penyiasatan dan penguatkuasaan. Berhubung dengan penyiasatan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan penyiasatan di bawah seksyen 17 Akta Persaingan 2010. Kuasa penyiasatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia termasuklah hak untuk menyita dokumen dan juga menjalankan pengeledahan serta menyita. Hak penguatkuasaan pula merangkumi kuasa untuk mengenakan penalti kepada pesalah serta mengurangkan geran penalti di bawah rejim kelonggaran.

Peranan lain Suruhanjaya Persaingan Malaysia antaranya termasuklah membuat peraturan dan mengadakan promosi. Seksyen 66 Akta Persaingan 2010 memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi mengeluarkan garis panduan untuk melaksanakan peruntukan dalam Akta Persaingan 2010. Sehingga kini, terdapat empat garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, iaitu Garis Panduan Bab 1 Larangan (Perjanjian Antipersaingan), Garis Panduan Bab 2 Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan), Garis Panduan Definisi Pasaran dan Garis Panduan Prosedur Aduan. Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga memainkan peranannya sebagai sebuah badan yang mendidik dengan meningkatkan kesedaran undang-undang persaingan dalam kalangan orang ramai melalui seminar. Contohnya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah menganjurkan persidangan mengenai undang-undang persaingan pada September 2013 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai terhadap undang-undang persaingan, terutamanya kepada ahli perniagaan yang terlibat dalam aktiviti komersial.

## **TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN**

Tribunal Rayuan Persaingan merupakan tribunal yang ditubuhkan di bawah Akta Persaingan 2010 bagi tujuan mengkaji keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah seksyen 35 (langkah interim), seksyen 39 (dapatan tiada pelanggaran) dan seksyen 40 (dapatan langgaran). Tribunal

Rayuan Persaingan mempunyai bidang kuasa eksklusif dan keanggotaannya terdiri daripada seorang presiden dan 7 hingga 20 anggota lain yang dilantik oleh Perdana Menteri atas syor Menteri.

Tribunal Rayuan Persaingan mempunyai kuasa untuk mengesah atau mengetepikan keputusan yang menjadi subjek rayuan. Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan adalah muktamad. Selain itu, keputusan yang diputuskan oleh Tribunal Rayuan Persaingan juga boleh dikuatkuasakan seperti suatu penghakiman atau perintah setelah mendapat kebenaran daripada mahkamah tinggi.

## **AKTA PERSAINGAN 2010**

Akta Persaingan 2010 telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan pada 2012. Kewujudan Akta Persaingan 2010 menjadikannya undang-undang nasional yang memantau perkara berkaitan dengan antipersaingan dan terpakai di seluruh Malaysia. Akta Persaingan 2010 bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi serta melindungi pengguna dan proses persaingan. Akta Persaingan 2010 juga mengenal pasti beberapa faedah hasil daripada proses persaingan, antaranya termasuklah memperbaiki kualiti produk dan perkhidmatan serta mewujudkan peluang memilih kepada pengguna. Peruntukan dalam Akta Persaingan 2010 dikaji dari sudut pemakaiannya, larangan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010 serta kesan pelanggaran terhadap peruntukan Akta Persaingan 2010.

### **Pemakaian Akta Persaingan 2010**

Akta Persaingan 2010 mempunyai ciri-ciri pemakaiannya terhadap sektor komersial seperti yang berikut:

#### **(i) Pemakaiannya bersifat luar wilayah**

Seksyen 3 Akta Persaingan 2010 memperuntukkan bahawa Akta Persaingan 2010 terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial sama ada di dalam atau di luar Malaysia, jika aktiviti komersial luaran tersebut memberikan kesan terhadap persaingan di Malaysia. Peruntukan ini menunjukkan kesannya di luar wilayah. Luar wilayah di sini merujuk penguatkuasaan undang-undang sesuatu negara di luar wilayahnya.

#### **(ii) Pemakaiannya terhadap semua aktiviti komersial tanpa mengira status pemilikan atau entiti**

Menurut seksyen 3 Akta Persaingan 2010, Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial. Menurut seksyen 3(4) Akta Persaingan 2010, aktiviti komersial bermaksud apa-apa aktiviti yang bersifat komersial. Aktiviti komersial ini dijalankan oleh perusahaan tanpa mengira status milikan atau entiti. Sebagai contoh, Syarikat Pautan Kerajaan (GLC), perusahaan kecil dan sederhana serta persatuan juga tidak terkecuali daripada peruntukan Akta Persaingan 2010.

Namun begitu, pemakaian Akta Persaingan 2010 terhadap sektor komersial masih mempunyai hadnya. Antara keterbatasan pemakaian Akta Persaingan 2010 terhadap sektor komersial termasuklah seperti yang berikut:

(iii) Aktiviti penggabungan dan pengambilalihan

Akta Persaingan 2010 tidak merangkumi penggabungan dan pengambilalihan disebabkan oleh latar belakang ekonomi Malaysia pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, mungkin ada usaha untuk memperkenalkan penggabungan dan pengambilalihan pada masa yang akan datang.

(iv) Kekecualian sektoral dalam Jadual Pertama Akta Persaingan 2010

Seksyen 3(3) Akta Persaingan 2010 juga telah secara jelas memperuntukkan bahawa aktiviti komersial yang dikawal selia oleh undang-undang yang telah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Persaingan 2010 adalah tidak tertakluk pada Akta Persaingan 2010. Jadual Pertama Akta Persaingan 2010 menyenaraikan dua sektor yang tidak tertakluk pada peruntukan Akta Persaingan 2010, iaitu sektor tenaga yang dikawal selia oleh Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 serta sektor komunikasi yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Berkuat kuasa pada Januari 2014, kerajaan telah membuat penambahan terhadap senarai dalam Jadual Pertama Akta Persaingan 2010 dengan Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan Peraturan-peraturan Petroleum 1974[P.U. (A) 432/1974]. Dengan adanya penambahan sektor di bawah senarai Jadual Pertama Akta Persaingan 2010, ini menunjukkan bahawa senarai di bawah Jadual Pertama Akta Persaingan 2010 boleh ditambah dari semasa ke semasa apabila diwartakan.

(v) Aktiviti komersial di bawah seksyen 3(4) Akta Persaingan 2010

Menurut seksyen 3(4) Akta Persaingan 2010, aktiviti komersial bermaksud apa-apa aktiviti yang bersifat komersial. Namun begitu, aktiviti tersebut tidak termasuk aktiviti komersial yang dibuat bagi tujuan menjalankan kuasa kerajaan, aktiviti yang dijalankan yang berasaskan pada prinsip perpaduan

dan juga pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi.

#### (vi) Aktiviti dalam Jadual Kedua Akta Persaingan 2010

Bab 4 Akta Persaingan 2010 juga memperuntukkan beberapa kekecualian. Melalui seksyen 13 Akta Persaingan 2010 ini memperuntukkan bahawa larangan yang terkandung dalam Bahagian II Akta Persaingan 2010 tidak terpakai bagi perkara yang disenaraikan dalam Jadual Kedua. Jadual Kedua Akta Persaingan 2010 menyenaraikan aktiviti seperti yang berikut:

- (a) Suatu perjanjian atau perlakuan setakat yang ia terlibat dalam suatu perintah untuk mematuhi suatu kehendak perundangan;
- (b) aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma dan syarat penggajian dan yang dirunding atau diikat antara pihak yang termasuk kedua-dua majikan dan pekerja atau organisasi yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan majikan atau pekerja; dan
- (c) suatu perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau yang mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah Bab 1 dan Bab 2 Bahagian II akan menghalang pelaksanaan, di sisi undang-undang atau hakikat, tugas tertentu yang diberikan kepada perusahaan itu.

Hal ini menunjukkan bahawa perjanjian antipersaingan serta penyalahgunaan kedudukan dominan adalah tidak terpakai bagi keadaan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta Persaingan 2010. Sebagai contoh, aktiviti komersial yang dijalankan oleh Pos Malaysia tergolong dalam kelompok perkhidmatan yang “berkepentingan ekonomi am” kerana perkhidmatan yang dijalankan bertujuan untuk kepentingan am kepada masyarakat.

### **Larangan dalam Akta Persaingan 2010**

Larangan utama dalam Akta Persaingan 2010 ialah terhadap dua perkara, iaitu larangan terhadap perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan.

#### (i) Perjanjian antipersaingan

Perjanjian antipersaingan merujuk perjanjian yang mempunyai matlamat atau kesan ketara yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan di Malaysia. Seksyen 4 Akta Persaingan 2010, menyediakan rujukan khusus kepada dua jenis perjanjian antipersaingan, iaitu perjanjian mendatar dan perjanjian menegak. Mengikut Akta Persaingan 2010 istilah “perjanjian” bermaksud “apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh atau tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, antara perusahaan, termasuklah keputusan oleh persatuan dan amalan bersepadu”. Definisi “perjanjian” di bawah Akta Persaingan 2010 menunjukkan bahawa “perjanjian” wujud dalam bentuk formal atau tidak formal. Adalah tidak menjadi kemestian bahawa “perjanjian” wujud dalam bentuk bertulis berdasarkan pada definisi “perjanjian” di bawah seksyen 2 Akta Persaingan 2010.

Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010 memperuntukkan:

Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Perjanjian mendatar bermakna perjanjian di antara syarikat yang beroperasi pada peringkat pengeluaran yang sama manakala perjanjian menegak bermaksud perjanjian antara perusahaan yang beroperasi di peringkat pengeluaran yang berlainan. Contoh perjanjian mendatar adalah perjanjian antara pengeluar manakala perjanjian menegak biasanya dimeterai antara pengeluar dan pendedar.

Perjanjian dinyatakan di atas akan dinilai berdasarkan kepada yang berikut untuk menentukan anti daya saing yang sama ada matlamat atau kesan yang termasuk dalam perjanjian itu “ketara menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan.”

Walau bagaimanapun, pematuhan ketat diperlukan bagi perjanjian mendatar dalam Akta Persaingan 2010 kerana keupayaannya menyekat persaingan. Seksyen 4 (2) Akta Persaingan 2010, memperuntukkan bahawa perusahaan mendatar yang mempunyai objek seperti penetapan harga, perkongsian pasaran, menghadkan atau mengawal pengeluaran dan tipuan bida dianggap mempunyai objek ketara menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam apa jua pasaran bagi barangan mahupun perkhidmatan. Sebagai contoh, menetapkan harga diskaun bagi sesuatu produk atau perkhidmatan dalam kalangan pesaing atau pun menetapkan caj harga bagi perkhidmatan kenderaan adalah dianggap sebagai perjanjian mendatar yang mempunyai objek antipersaingan.



Akta Persaingan 2010 tidak memperincikan jenis perjanjian menegak yang dianggap sebagai antipersaingan kerana perjanjian menegak dianggap menggalakkan persaingan. Namun begitu, perjanjian menegak yang melibatkan harga jualan semula atau perjanjian eksklusif akan dinilai oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi memastikannya sama ada mewujudkan kesan ketara antipersaingan atau sebaliknya.

#### (ii) Penyalahgunaan kedudukan dominan

Satu lagi larangan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010 ialah penyalahgunaan kedudukan dominan. Seksyen 10 Akta Persaingan menyediakan larangan yang berkaitan dengan penyalahgunaan kedudukan dominan. Kedudukan dominan ditakrifkan oleh seksyen 2 Akta Persaingan 2010 seperti yang berikut:

“kedudukan dominan” ertinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.

Secara umumnya, berada dalam kedudukan dominan bukanlah satu kesalahan di bawah Akta Persaingan 2010. Walau bagaimanapun, jika seseorang yang berada dalam kedudukan yang dominan melibatkan diri dengan mana-mana perlakuan yang disenaraikan dalam seksyen 10 (2) (a)-(g), maka dia boleh dikategorikan sebagai melanggar seksyen 10 Akta Persaingan 2010. Seksyen 10 (2) (a)-(g) menyenaraikan beberapa perlakuan antaranya termasuklah mengenakan jualan tidak adil terhadap pembekal atau pelanggan, mengehadkan pengeluaran, pasaran, pembangunan teknologi atau pelaburan sehingga memudaratkan pengguna, enggan memberikan bekalan kepada sesuatu perusahaan atau kelompok perusahaan tertentu serta mengenakan syarat tambahan yang tidak berkaitan dengan kontrak jualan terhadap pembeli apabila pembeli membeli produk daripada penjual. Sebagai contoh, pembekal komputer enggan membekalkan komputer kecuali pembeli bersetuju untuk membeli dakwat daripada pembekal komputer yang sama, walaupun pembeli sepatutnya mempunyai pilihan untuk membeli dakwat daripada pembekal yang lain. Perbuatan ini merupakan pelanggaran terhadap seksyen 10 Akta Persaingan 2010 apabila pembekal komputer tersebut berada dalam kedudukan dominan di pasaran kerana dia dianggap telah mewujudkan keadaan antipersaingan dalam kalangan pembekal lain yang terdiri daripada pesaingnya.

## **Kesan Pelanggaran Peruntukan tentang Larangan dalam Akta Persaingan 2010**

Berhubung dengan kesan perjanjian antipersaingan, seksyen 4 (1) Akta Persaingan 2010 menyediakan larangan yang berkaitan dengan perjanjian mendarat dan menegak. Perusahaan atau individu yang melanggar peruntukan Bahagian II Akta Persaingan 2010 akan dikenakan liabiliti seperti yang termaktub dalam seksyen 4(3) Akta Persaingan 2010. Seksyen 40 Akta Persaingan 2010 memperuntukkan bahawa apabila terdapat pelanggaran, Suruhanjaya Persaingan,

- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
- (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
- (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
- (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

Apabila Suruhanjaya Persaingan Malaysia memutuskan untuk mengenakan penalti kewangan, maka dendanya tidak boleh melebihi 10 peratus daripada pusingan ganti seluruh dunia perusahaan dalam tempoh pelanggaran berlaku. Contoh penalti kewangan dapat dilihat apabila Suruhanjaya Persaingan Malaysia mengenakan denda sebanyak RM10 juta setiap satu kepada MAS dan AirAsia kerana melanggar seksyen 4 (2) (b) Akta Persaingan 2010. Dalam kes itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia membuat keputusan untuk mengenakan penalti kewangan berdasarkan pusingan ganti yang diperoleh antara 1 Januari 2012 dan 30 April 2012 oleh MAS dan AirAsia bagi laluan yang berikut, Kuala Lumpur ke Kuching, Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Kuala Lumpur ke Sandakan dan Kuala Lumpur ke Sibul.

## **Pengecualian di Bawah Akta Persaingan 2010**

Menurut seksyen 5 Akta Persaingan 2010, jika satu pihak didapati bersalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam seksyen 4 Akta Persaingan 2010, pengecualian boleh diperoleh daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia sama ada dari segi pengecualian individu ataupun blok. Walau bagaimanapun, terdapat empat syarat kumulatif yang perlu dipenuhi oleh pihak yang ingin memohon pengecualian seperti yang berikut:

- (a) terdapat faedah yang signifikan yang dikenal pasti wujud daripada perjanjian tersebut, iaitu dari segi teknologi, kecekapan atau faedah sosial;

(b) manfaat tidak boleh semunasabahnya diberikan oleh pihak-pihak kepada perjanjian tanpa mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan;

(c) kesan buruk perjanjian tersebut terhadap antipersaingan adalah bersekadar dengan faedah yang diberikan; dan

(d) perjanjian antipersaingan tersebut tidak menghapuskan persaingan secara keseluruhannya persaingan dari segi barang-barang atau perkhidmatan.

Menurut Perkara 5 Garis Panduan Bab 1 Larangan, satu lagi keperluan tambahan yang perlu dipenuhi sebelum mendapatkan pengecualian di bawah seksyen 5 Akta Persaingan 2010 ialah pihak berkenaan perlu membuktikan bahawa faedah yang disebut dalam seksyen 5 Akta Persaingan 2010 adalah untuk pengguna.

Seksyen 5 Akta Persaingan 2010 hanya terpakai kepada larangan yang tersebut di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010. Seksyen ini tidak terpakai bagi larangan yang diperuntukkan di bawah seksyen 10 Akta Persaingan 2010. Walau bagaimanapun, tiada penerangan yang lebih terperinci tentang cara penilaian dilakukan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia dalam memberikan kelonggaran di bawah seksyen 5 Akta Persaingan 2010.

Sehubungan dengan itu, jika suatu pihak berjaya membuktikan unsur di bawah seksyen 5 Akta Persaingan 2010, serta membuktikan bahawa faedah akan diserahkan kepada pelanggan, Suruhanjaya akan mempertimbangkan untuk memberikan pelepasan liabiliti melalui pengecualian individu atau pengecualian blok.

Pihak yang diberi pelepasan di bawah seksyen 5 Akta Persaingan 2010 perlu sedar bahawa pengecualian itu tidak kekal. Menurut seksyen 6 (4) (b) Akta Persaingan 2010, pengecualian individu yang diberikan adalah untuk masa yang terhad sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah yang diberikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Begitu juga dalam kes yang melibatkan pengecualian blok, seksyen 8 (5) (d) Akta Persaingan 2010 dengan jelas menyebut bahawa pengecualian blok itu hendaklah terhenti penguatkuasaannya selepas habis tempoh masa yang diperuntukkan dalam perintah itu oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia itu. Di Malaysia, sehingga kini Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah memberikan pengecualian blok berhubung dengan Perjanjian Perkongsian Kapal dan Perjanjian Sukarela Perbincangan berkenaan perkapalan liner.

## **Rejim Kelonggaran**

Di Malaysia, seksyen 41 Akta Persaingan 2010 menyediakan rejim kelonggaran kepada mereka yang membantu pihak berkuasa mengenal pasti organisasi yang terlibat dalam kesalahan antipersaingan. Selanjutnya, rejim kelonggaran

juga boleh didapati apabila perusahaan mengakui pelibatannya dalam aktiviti antipersaingan yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 (2) Akta Persaingan 2010. Dalam keadaan sesuatu perusahaan jatuh di bawah rejim kelonggaran yang diperuntukkan dalam seksyen 41 Akta Persaingan 2010, membolehkan perusahaan itu mendapatkan pengurangan maksimum 100 peratus jika terdapat penalti dikenakan terhadap mereka.

### **Contoh Aplikasi Akta Persaingan 2010 dalam Sektor Komersial di Malaysia**

Untuk menjelaskan aplikasi Akta Persaingan 2010 dalam aktiviti komersial, beberapa kes yang telah diputuskan di Malaysia digunakan untuk menggambarkan pemakaian Akta Persaingan 2010 dalam pelbagai sektor komersial seperti yang berikut:

#### *(i) Kes Cameron Highlands Floriculturist Association (CHFA)*

Kes ini merupakan kes pertama yang diputuskan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia mengenai pelanggaran Akta Persaingan 2010 di bawah seksyen 4(2) (a) berkenaan penetapan harga. Dalam kes ini, ahli CHFA bersetuju meningkatkan harga bunga sebanyak 10 peratus bagi bunga yang dijual di Malaysia dan di luar negara, kecuali Jepun. Suruhanjaya Persaingan Malaysia mencadangkan keputusan kepada CHFA dan tiada penalti kewangan yang dikenakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Persaingan Malaysia memerlukan CHFA untuk melaksanakan yang berikut, iaitu untuk memberhentikan dan berhenti daripada perbuatan penetapan harga bunga; untuk memberikan suatu aku janji bahawa ahlinya mesti mengelakkan diri daripada amalan antipersaingan dalam pasaran dan untuk menerbitkan tindakan pemulihan yang diambil oleh mereka dalam akhbar arus perdana. (<http://mycc.gov.my>)

#### *(ii) Kes Malaysian Airline System Berhad (MAS), AirAsia Bhd dan AirAsia X Sdn Bhd*

Pada bulan April, 2014, Suruhanjaya Persaingan Malaysia memberi keputusannya mengenai penalti yang dikenakan kepada MAS, AirAsia Bhd dan Air Asia X Sdn Bhd kerana bersalah melanggar seksyen 4 (2)(b) Akta Persaingan 2010. Kesemua syarikat penerbangan sebenarnya telah menandatangani perjanjian untuk berkongsi pasaran dan syarikat penerbangan berkenaan dengan jelas melanggar seksyen 4 (2) (b) Akta Persaingan 2010

untuk perjanjian antipersaingan. MAS dan AirAsia Bhd telah didenda RM10 juta setiap satu (<http://mycc.gov.my>).

(iii) Kes *Persatuan Pengeluar Ais*

Pengeluar ais telah didenda oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia kerana pelibatannya dalam penetapan harga yang melanggar seksyen 4(2) (a) Akta Persaingan 2010. Beberapa syarikat pengeluar ais telah didapati terlibat dalam perjanjian penetapan harga bagi jualan ais tiub dan juga ais blok dan didenda oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebanyak RM238 600 (<http://www.bharian.com.my>). Dalam menentukan tahap penalti kewangan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia mengambil kira, antara lain, keseriusan pelanggaran itu, tempoh pelanggaran, faktor memburukkan seperti tidak memberikan kerjasama semasa siasatan, dan faktor pembaikan seperti sifat koperatif semasa penyiasatan. Suruhanjaya Persaingan Malaysia mengeluarkan langkah interim pertama kepada pengeluar ais pada 20 Januari 2014 berikutan pengumuman mereka pada 24 Disember 2013 dalam beberapa akhbar berkenaan rancangan mereka untuk menaikkan harga tiub ais kepada 50 sen bagi setiap beg dan harga blok ais kepada RM2.50 setiap blok besar mulai 1 Januari 2014 (<http://www.sinarharian.com.my>).

(iv) Kes *Megasteel Sdn Bhd*

Megasteel Sdn Bhd telah didenda oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia akibat perbuatan menyalahgunakan kedudukan dominan di bawah seksyen 10 (1) Akta Persaingan 2010. Suruhanjaya Persaingan Malaysia mendapati bahawa amalan Megasteel mengenakan harga untuk gegelung gelek panas (HRC) yang tidak seimbang dengan harga jualan gegelung tergelek sejuk (CRC) yang mengecilkan margin sekali gus memberikan kesan antipersaingan dalam pasaran. Tindakan ini telah melanggar seksyen 10 (1) Akta (<http://www.thesundaily.my/news/872619>).

Menurut Suruhanjaya Persaingan Malaysia, faktor yang diambil kira ialah sifat produk, struktur pasaran, bahagian pasaran perusahaan, halangan kemasukan dan kesan mengecil margin yang dilakukan oleh Megasteel kepada pesaing hulu mereka serta keseriusan pelanggaran itu dalam menentukan asas jumlah penalti kewangan. Suruhanjaya Persaingan Malaysia mencadangkan agar penalti sebanyak RM4.5 juta dikenakan kepada Megasteel Sdn Bhd bagi pelanggaran seksyen 10 Akta Persaingan 2010 (<http://www.thesundaily.my/news/872619>).

## **Aplikasi Peruntukan Akta Persaingan 2010 terhadap Sektor Komersial di Malaysia**

Berdasarkan contoh aplikasi peruntukan Akta Persaingan 2010 terhadap sektor komersial di Malaysia, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mengambil pendekatan berperingkat dalam menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan 2010. Contohnya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia memutuskan untuk tidak mengenakan penalti kewangan terhadap CHFA memandangkan pada ketika itu, Akta Persaingan 2010 masih agak baru diperkenalkan. Namun begitu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mengambil keputusan untuk mengenakan penalti kewangan terhadap kes yang melibatkan MAS dan Air Asia Bhd untuk menunjukkan bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia memandang serius amalan antipersaingan yang merupakan kesalahan dalam Akta Persaingan 2010.

### **KESIMPULAN**

Makalah ini menyimpulkan bahawa Akta Persaingan 2010 mempunyai pemakaian umum untuk aktiviti komersial yang dijalankan oleh sektor perdagangan sama ada di dalam ataupun di luar Malaysia. Memandangkan Akta Persaingan 2010 ini masih baharu di Malaysia, masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dibuat untuk memastikan pelaksanaan undang-undang persaingan dapat dibuat secara menyeluruh. Walaupun terdapat peruntukan yang jelas mengenai kedudukan perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang membantu dalam menggalakkan persaingan dalam pasaran, namun pengecualian bagi perkara tertentu adalah perlu bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti. Contohnya perjanjian kerjasama penyelidikan serta perjanjian pemindahan teknologi merupakan antara perjanjian yang menghasilkan faedah yang signifikan dari segi teknologi walaupun kadangkala bersifat antipersaingan. Secara keseluruhan, kewujudan Akta Persaingan 2010 dilihat memberikan manfaat kepada pengguna kerana Akta Persaingan 2010 memberikan peluang yang luas untuk pengguna memilih produk berdasarkan kualiti dan harga di pasaran. Hal ini sekali gus akan meningkatkan ekonomi negara kerana peniaga akan bersaing untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti di pasaran bagi tujuan kepuasan pengguna.

### **RUJUKAN**

Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

Andreas F Lowenfeld, 2008. *International Economic Law*. Second Edition. United States: Oxford University Press Inc.

<http://mycc.gov.my/wp-content/uploads/2014/05/FINAL-DECISION-ON-MAS-AIRASIA-PDF.pdf>, perenggan 86 hlm. 34 [Capaian 20 Julai 2014]

<http://mycc.gov.my/wp-content/uploads/2014/05/MyCC%E2%80%99s-Decision-Against-the-Cameron-Highlands-Floriculturist-Association.pdf> [Capaian 20 Julai 2014].

[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KOMPLOTNAIKHARGA\\_Kartelaiskenadenda/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KOMPLOTNAIKHARGA_Kartelaiskenadenda/)(Capaian 20 Julai 2014).

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/langkah-interim-kepada-pengeluarais-1.242875>( Capaian 20 Julai 2014).

MyCC proposes RM4.5m penalty against Megasteel, <http://www.thesundaily.my/news/872619>, (Capaian pada 20 Julai 2014).

Rang Undang-Undang Amalan Perdagangan Adil 26 Oktober 2005.

Richard Whish, 2009. *Competition Law*. Sixth Edn. Britain: Oxford University Press.

Walter Goode, 2007. *Dictionary of Trade Policy Terms*. Fifth Edition. United Kingdom: Oxford University Press, Cambridge.

[www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my) (Capaian 20 Julai 2014).